

21/07/1998

Wanita Umno berazam bantu realisasi komitmen kerajaan

Rosmin Darus

KETUA Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman di Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita Umno, di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 18 Jun lalu mengulangi azam melihat 30 peratus pembuat dasar di negara ini adalah wanita menjelang 2005.

Pergerakan Wanita Umno berazam membantu kerajaan merealisasikan komitmen kerajaan supaya 30 peratus pembuat dasar di negara kita adalah wanita tidak lewat dari tahun 2005. Wanita adalah separuh daripada jumlah rakyat di negara ini dan wajar sekali mereka mengambil tempat bersama lelaki di bidang membuat dasar atau keputusan.

Dalam dasar ekonomi baru, kerajaan bertegas dan dengan bijaksana menetapkan 30 peratus untuk bumiputera supaya maju dalam bidang ekonomi.

Oleh itu, memang wajar kerajaan Malaysia pada 1985 menyokong saranan 30 peratus wanita dalam bidang pembuat dasar dan keputusan di Persidangan Dunia Mengenai Wanita di Nairobi anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Komitmen kerajaan diulangi di Auckland, New Zealand oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel pada hujung tahun 1995. Strategi untuk mencapai matlamat 30 peratus itu telah dibincang di peringkat Menteri-Menteri Komanwel pada 1996.

Selanjutnya pada April 1998, Menteri yang bertanggungjawab Datin Paduka Zaleha Ismail mengadakan perjumpaan bersejarah di mana pegawai-pegawai tinggi wanita di dalam kerajaan dijemput dan diberi kesedaran mengenai komitmen kerajaan itu serta mereka diajak membantu kerajaan melaksanakan komitmen 30 peratus.

Tindakan strategik seperti ini sangat dialu-alukan oleh Wanita Umno. Malah Wanita Umno akan terus berganding bahu bersama rakan wanita Barisan Nasional, Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa), Naciwid, NCWO, Persatuan Wartawan Wanita dan wanita profesional bagi memastikan hasrat itu tercapai.

Kita juga mengalu-alukan setiap kementerian, agensi, badan, majlis, lembaga, atau jawatankuasa di bawah kementerian yang turut menyumbang ke arah pencapaian 30 peratus.

Wanita Umno juga akan memberi perhatian mengisi keperluan serta memantau usaha itu di peringkat negeri, daerah sehingga kampung dan untuk itu akan bekerjasama dengan Hawa negeri dan pertubuhan atau badan lain termasuk WIM dan Puspanita.

Kita juga ingin membantu semua pihak termasuk badan bukan kerajaan seperti parti politik, khususnya Umno sendiri mencapai 30 peratus itu.

Biro-biro Wanita Umno peringkat pusat, negeri dan bahagian akan secara langsung terbabit dalam membantu kementerian, kerajaan negeri, jabatan dan semua pihak berkenaan bagi mengenal pasti keperluan serta membuat pemantauan.

Umpamanya biro politik Wanita Umno pusat akan memberi tumpuan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk membantu kerajaan mengenal pasti wanita yang layak untuk mengisi secara beransur-ansur, 30 peratus umpamanya sebagai ahli Parlimen, pentadbir berpangkat tinggi atau keanggotaan jemaah perbadanan.

Wanita Umno akan berhubung dengan 34 unit dan bahagian serta 17 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) termasuk Unit Perancangan Ekonomi, Bahagian Hal Ehwal Islam, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan

Perkhidmatan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Petronas.

Peranan Wanita Umno harus dilihat sebagai kritikal atau sangat penting bagi memastikan wujud political will atau kesungguhan politik dalam melaksanakan komitmen kerajaan kepada matlamat 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar dan keputusan.

Kita berpuas hati dengan komitmen kerajaan tetapi belum berpuashati dengan pelaksanaan komitmen itu.

Wanita Umno sanggup bekerja keras bagi membantu semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan komitmen 30 peratus itu dan yakin pencapaian matlamat 30 peratus pada 2005 iaitu dalam tempoh 7 tahun, bukan mustahil jika perancangan rapi dan strategi yang betul digunakan oleh pelaksana.

Wanita Umno bercadang untuk menghargai usaha gigih setiap kementerian, kerajaan negeri, perbadanan kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam mengisi komitmen kerajaan terhadap 30 peratus pembuat dasar dan keputusan dari kalangan wanita.

Untuk itu, sempena persidangan Wanita Umno bermula 1999 dan seterusnya sehingga Persidangan Wanita Umno tahun 2005, penghargaan khusus akan diberikan kepada Kementerian Terbaik, Kerajaan Negeri Terbaik, Perbadanan Terbaik dan badan bukan kerajaan terbaik.

Tiap-tiap tahun setiap kementerian Kerajaan Negeri, Perbadanan Kerajaan dan badan bukan kerajaan akan diaudit mengenai usahanya mencapai matlamat 30 peratus.

(END)